

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld.8 ( )

**MINIT MESYUARAT PENUH  
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA  
BIL. 1 TAHUN 2026**

**Tarikh** : 28 Januari 2026 (Rabu)  
**Masa** : 10.00 pagi - 12.00 tengah hari  
**Tempat** : Bilik Mesyuarat Kenanga, Aras 2  
Bangunan MBSJ  
**Kehadiran** : Seperti di Lampiran A

**1.0 BACAAN DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Syed Fadleindra bin Syed Alias, Pengacara Majlis.

**2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN JANUARI 2026**

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Januari 2026 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

### 3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang pertama bagi tahun 2026. Seterusnya pemakluman mengenai perkara seperti berikut :

- i) Datuk Bandar berkongsi amanat tahun baru daripada pemimpin Kerajaan, dimulai dengan amanat daripada YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Dalam Majlis Amanat Tahun Baru 2026 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB memaklumkan tahun 2026 akan membuka lembaran baru kepada KPKT, penjawat awam serta Pihak Berkuasa Tempatan untuk terus memperkukuh perkhidmatan, mempercepat pelaksanaan dasar serta memberikan impak yang lebih besar kepada kesejahteraan masyarakat.

Melalui amanat ini, beliau menekankan bahawa tahun ini menuntut seluruh warga KPKT dan PBT untuk bertindak lebih pantas, cekap dan berimpak tinggi demi kesejahteraan rakyat. Sebagai kompas kerja seluruh warga KPKT dan PBT, iltizam kerja berdasarkan ABCDT telah diperkenalkan sebagai pegangan utama iaitu:

- i. Amanah – Melaksanakan tugas dengan integriti dan kejujuran
- ii. Bersatu – Memperkukuh kerjasama antara kementerian, agensi dan PBT

- iii. Cekap – Mempermudah dan mempercepat penyampaian perkhidmatan
- iv. Dinamik – Bersedia berubah dan berinovasi
- v. Tanggungjawab – Mengutamakan kepentingan rakyat dalam setiap tindakan

Dalam menyahut cabaran dan harapan tahun ini, beliau menekankan beberapa hala tuju fokus utama tahun 2026 iaitu:

- i. Perkhidmatan Mesra Rakyat - Setiap penjawat awam dan PBT perlu memastikan urusan rakyat dipermudah dan disegerakan, khususnya dalam proses pelesenan, penguatkuasaan, kebersihan dan pengurusan aduan awam.
- ii. Penyampaian Perkhidmatan Berkualiti dan Berimpak - Perkhidmatan yang diberikan mesti bukan sekadar mematuhi prosedur tetapi memberikan kesan positif yang nyata kepada kehidupan rakyat di setiap peringkat.
- iii. Sinergi Antara Agensi dan PBT - Kerja berpasukan antara Kementerian, Jabatan dan PBT adalah keperluan asas untuk menjayakan impian rakyat dan memacu pembangunan negara Madani.
- iv. Penambahbaikan kepada Dasar dan Pelaksanaan - Kita perlu sentiasa membuka ruang untuk meningkatkan keberkesanan dasar dan sistem kerja melalui kajian, inovasi serta penggunaan teknologi yang relevan.

- ii) Seterusnya Datuk Bandar memaklumkan berkaitan amanat Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar yang menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2026 bertemakan “Mempercepat Pelaksanaan, Memperhebat Reformasi”.

Beliau menyeru komitmen penjawat awam dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk mempercepat pelaksanaan dan memperhebat reformasi perkhidmatan awam, dengan memberi fokus kepada tindakan pantas, hasil yang berimpak dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat. Penjawat awam digesa mempermudah urusan rakyat melalui perkhidmatan yang cekap dan mesra, membudayakan amalan “*no wrong door policy*”, mengurangkan birokrasi serta mengoptimumkan penggunaan teknologi digital. Amanat ini turut menekankan kepentingan integriti, budaya kerja berorientasikan hasil dan komunikasi kerajaan yang jelas serta mudah difahami, selaras dengan usaha memperkukuh kepercayaan rakyat dan menjayakan Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam negara.

- iii) Datuk Bandar turut menyampaikan berkenaan Amanat Tahun Baharu 2026 YAB Dato’ Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor, menekankan beberapa perkara penting sebagai hala tuju pentadbiran negeri dan peranan penjawat awam sepanjang tahun ini.

Beliau turut menyampaikan penghargaan kepada penjawat awam atas komitmen dan kerja keras sepanjang tahun 2025, yang

menyumbang kepada pencapaian kewangan yang cemerlang iaitu Selangor mencatat kutipan hasil Negeri tertinggi dalam sejarah iaitu RM3.021 bilion pada 2025, menunjukkan tadbir urus kewangan yang berdisiplin dan inovatif.

Dalam amanatnya, YAB Dato Menteri Besar menyeru penjawat awam untuk terus memainkan peranan aktif dalam melaksanakan dasar, mempertingkatkan perkhidmatan dan mewujudkan persekitaran yang lebih bersih, selamat dan inklusif untuk rakyat. Antara fokus yang ditekankan ialah:

- i. Peningkatan kecekapan perkhidmatan awam dengan memastikan semua urusan pentadbiran berjalan lancar dan responsif kepada keperluan rakyat.
- ii. Penyampaian perkhidmatan berkualiti tinggi. Penjawat awam diharap terus memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat, telus dan cekap.

YAB Dato' Menteri Besar turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri akan memberi perhatian serius terhadap pengurusan sisa pepejal dan kebersihan persekitaran, termasuk usaha membanteras pembuangan sampah haram melalui tindakan penguatkuasaan yang lebih tegas dan kerjasama lebih rapat antara agensi.

YAB Dato' Menteri Besar menyeru penjawat awam untuk menjadi teladan dalam profesionalisme, integriti dan dedikasi terhadap kerja serta terus komited dalam melaksanakan dasar Negeri dan

menyahut aspirasi rakyat Selangor di samping memastikan setiap perkhidmatan yang diberikan mencerminkan nilai ketelusan, kecemerlangan dan responsif kepada perubahan.

- iv) Seterusnya, Datuk Bandar berkongsi berkenaan kejayaan MBSJ dalam penilaian APPC tahun 2025, yang memperolehi markah sebanyak 97.13% serta menduduki tempat kedua di Negeri Selangor dengan kedudukan sebagai PBT Bertaraf 5 Bintang.

Majlis penyampaian hadiah telah disampaikan oleh YAB. Dato' Menteri Besar Selangor dalam Majlis Penyampaian Amanat Tahun Baharu 2026 serta Majlis Penyampaian Anugerah Pentadbiran Dan Pengurusan Pejabat Cemerlang (APPC) yang diadakan pada 26 Januari 2026 (Isnin) bertempat di Dewan Raja Muda Musa, Kompleks Belia dan Kebudayaan Negeri Selangor. Semoga MBSJ dapat meneruskan kegemilangan dan mempertingkatkan lagi usaha untuk mencapai kedudukan yang lebih baik pada masa akan datang.

- v) Datuk Bandar juga menghebahkan tentang sesi Taklimat Permohonan Petak Pengecasan Kenderaan Elektrik (EVCB) yang telah diadakan pada 20 Januari 2026 di Laman Kenanga, MBSJ bagi memberi panduan jelas kepada Charge Point Operator (CPO) mengenai proses, prosedur dan keperluan permohonan pemasangan EVCB di kawasan pentadbiran MBSJ.

Inisiatif ini selaras dengan dasar Kerajaan Negeri Selangor melalui RS-1 dan *Selangor Agenda for Green Economy (SAGE)* bagi

pembangunan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik, dengan sasaran 50 unit EVCB pada 2026, termasuk di lokasi berimpak tinggi seperti laluan lebuhraya.

MBSJ ingin menekankan semua pemasangan EVCB adalah wajib melalui permohonan rasmi melalui Sistem OSC 3.0 Plus, selaras garis panduan PLANMalaysia, Kerajaan Negeri Selangor, Jabatan Bomba dan Penyelamat serta Tenaga Nasional Berhad bagi memastikan pembangunan dilaksanakan secara teratur, selamat dan mematuhi peraturan.

- vi) Datuk Bandar memaklumkan MBSJ akan mengadakan Majlis Perasmian Karnival Bazar Ramadan pada 3 Februari 2026 (Selasa) bertempat di Dewan Serbaguna MBSJ, Puchong Indah. Pada tahun 2026, terdapat sebanyak 20 lokasi Bazar Ramadan MBSJ dengan 1,207 petak seperti berikut:

Bil	Zon	Jumlah Lokasi	Jumlah Petak
i	Subang Jaya	6	277
ii	Kinrara	1	130
iii	Puchong	7	300
iv	Putra Heights	1	40
v.	Serdang & Seri Kembangan	5	460
Jumlah Keseluruhan		20	1,207

Objektif utama program ini adalah untuk mengingatkan peniaga Bazar Ramadan MBSJ tentang pematuhan SOP dan peraturan,

termasuk pengendalian makanan yang selamat, amalan kitar semula, pengurusan sisa dan penggunaan sumber yang cekap.

Semua peniaga diwajibkan menyediakan alternatif pembayaran cashless serta mempamerkan saluran e-wallet yang diterima, manakala penggunaan bekas polisterina dan dawai kokot untuk bungkus makanan tidak dibenarkan. Selain itu, MBSJ akan bekerjasama dengan WaW (*What A Waste*) bagi menyelamatkan lebih makanan, sejajar dengan matlamat SDG 12 mengenai *Responsible Consumption* bagi mengurangkan pembaziran makanan di Bazar Ramadan.

vii) Seterusnya, Datuk Bandar membuat hebahan berkenaan Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) 2025 serta Pelancaran Portal E-MPP MBSJ yang akan diadakan pada 6 Feb 2026, hari Jumaat bertempat di Sunway Resort Hotel jam 8.00 malam hingga 10.30 malam. Program ini dilaksanakan bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada MPP MBSJ dalam usaha membentuk masyarakat yang madani seiring dengan Pelan Strategik MBSJ dan *Sustainable Development Goals (SDGs)*, SDG 11: *Sustainable Cities and Communities*.

Sebanyak 8 anugerah dipertandingkan melibatkan 38 pemenang iaitu :

Bil	Nama Anugerah	Jumlah
i.	Anugerah Program Kemasyarakatan MPP	5
ii.	Anugerah Pengurusan Pentadbiran MPP	5

<b>Bil</b>	<b>Nama Anugerah</b>	<b>Jumlah</b>
iii.	Anugerah Kejiranan Hijau MPP	5
iv.	Anugerah Program Alam Sekitar MPP	5
v.	Anugerah Pangsapuri dan Kampung Angkat MPP	5
vi.	Anugerah MPP Inovatif Terbaik	5
vii.	Anugerah Aedes Buster MPP	5
viii.	Anugerah MPP MBSJ Terbaik Keseluruhan Tahun 2025	3

- viii) Datuk Bandar memaklumkan berkenaan Majlis Sambutan Tahun Baru Cina Peringkat Negeri Selangor 2026 yang akan diadakan pada 7 Februari 2026 hari Sabtu bertempat di Taman Rekreasi Wawasan, Puchong bermula jam 5.00 petang hingga 10.00 malam. Majlis ini akan disempurnakan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor.

Majlis anjuran Kerajaan Negeri dengan kerjasama Invest Selangor dan MBSJ ini bertujuan untuk membawa kemeriahan sambutan Tahun Baru Cina kepada seluruh masyarakat, supaya semua lapisan rakyat dapat merasai kegembiraan perayaan ini.

Pengunjung juga berpeluang menikmati pelbagai persembahan sepanjang malam, termasuk tarian kebudayaan, muzik secara langsung, tarian jalanan dan singa, persembahan wayang kulit serta pertunjukan cahaya selain pemberian 1,500 sampul duit raya untuk kanak-kanak dan 5,000 pek beras kecil sebagai cenderahati.

Bagi mengelakkan kesesakan lalu lintas, pengunjung dinasihati menggunakan perkhidmatan e-hailing atau pengangkutan awam seperti bas Smart Selangor dan van transit atas permintaan (DRT) dengan jadual boleh diperoleh melalui aplikasi Rapid On Demand.

- ix) Seterusnya pemakluman berkenaan Subang Jaya Half Marathon (SJHM) yang akan diadakan dengan kerjasama Puncak Ventures dan Persatuan Olahraga Para Selangor pada 8 Februari 2026, hari Ahad bertempat di Majlis Bandaraya Subang Jaya. Masa pelepasan melibatkan 3 kategori iaitu pelepasan kategori 21 km (*Half Marathon*) jam 3.00 pagi, pelepasan kategori 10 km jam 7.00 pagi dan pelepasan kategori 5 km (*Fun Run*) jam 7.15 pagi.

Sebagai rakan strategik penganjuran, MBSJ menyediakan keperluan lokasi, logistik dan hadiah wang tunai. MBSJ juga menambah hadiah cabutan bertuah berupa 1 unit motor elektrik dan 2 unit basikal lipat (*folding bike*). Keseluruhan pelari yang berdaftar adalah seramai 5,704 orang melibatkan kategori berikut :

Kategori	Pelari	Lelaki	Wanita
21km ( <i>Half Marathon</i> )	3,101 orang	3,974 orang	1,730 orang
10km	1,728 orang		
5km ( <i>Fun Run</i> )	875 orang		

Sebanyak 14 syarikat bersetuju menaja program ini dan Orthopaedic Specialist Centre (OSC) merupakan sebahagian

daripada rakan strategik bagi acara Fun Run 5km dan menjenamakan kategori tersebut kepada OSC 5KM Fun Run.

- x) Datuk Bandar turut memaklumkan berkaitan demam denggi di MBSJ. Sehingga minggu epid ke-3 tahun 2026, MBSJ telah mencatatkan sebanyak 201 kes positif denggi. Statistik ini menunjukkan penurunan sebanyak 6.51% jika dibandingkan dengan kumulatif kes pada minggu epid yang sama di tahun 2025 iaitu sebanyak 215 kes. Terdapat dua (2) Lokaliti Hotspot pada minggu Epid ke-3 ini iaitu di USJ 5/1 dan Taman Bukit Kinrara (Melor).

Kawalan dan pencegahan demam denggi terus dijalankan di kawasan yang dilaporkan kes demam denggi bagi membendung penularan kes demam denggi seperti melaksanakan Pemeriksaan Tempat Pembiakan (PTP), semburan larvaciding dan pengwasapan (*fogging*).

Pendidikan kesedaran tentang demam denggi turut dijalankan di lokaliti-lokaliti berpotensi. Penduduk disarankan untuk membuat langkah-langkah pencegahan seperti kempen 10 minit, gotong-royong memusnahkan lokasi potensi tempat pembiakan Aedes. Seterusnya, sekiranya terdapat simptom demam denggi, penduduk dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera.

- xi) Akhir sekali, Datuk Bandar mengucapkan Selamat Hari Thaipusam dan Selamat Tahun Baru Cina kepada semua komuniti yang merayakannya. Semoga tahun ini membawa kesihatan, kesejahteraan, dan kebahagiaan kepada semua.

MBSJ komited untuk terus menyediakan perkhidmatan terbaik kepada rakyat, memastikan bandaraya ini selesa, selamat dan mesra untuk semua.

#### **4.0 IKRAR PENGISYTIHARAN KEPENTINGAN**

Setiausaha Mesyuarat membacakan Ikrar Pengisytiharan Kepentingan bagi pihak semua ahli mesyuarat, dan semua ahli mesyuarat bersetuju serta mengambil maklum.

#### **5.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2025**

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 12/2025 bertarikh 29 Disember 2025 (Isnin) disahkan tanpa pindaan.

#### **6.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 12/2025**

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil.12/2025 bertarikh 29 Disember 2025 (Isnin) disahkan dengan cadangan berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 7.1 & m/s 1	Puan Lee Jen Uyin	Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar	<p>Beliau mencadangkan supaya Majlis meletakkan maklumat berkenaan laluan dan masa ketibaan bas di setiap perhentian bas bagi memudahkan urusan pengguna dalam merancang perjalanan.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b> Mesyuarat bersetuju supaya taraf pengangkutan awam ditingkatkan dengan menyediakan maklumat laluan dan jadual waktu ketibaan bas di setiap perhentian bas, serta meletakkan maklumat kod QR aplikasi yang digunakan bagi memudahkan pengguna mendapatkan maklumat perjalanan. Selain itu, hebahan berkaitan turut dibuat melalui media sosial Majlis bagi meningkatkan kesedaran dan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>penggunaan pengangkutan awam.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
2.	Para 2 & m/s 17	Puan Lee Jen Uyin dan Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Garis Panduan Pemantauan Anjing Liar di kawasan tapak pembinaan	<p>Beliau memaklumkan berkenaan masalah anjing liar yang banyak di kawasan tapak pembinaan yang ditinggalkan oleh kontraktor pembinaan selepas projek pembinaan tamat.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memutuskan bahawa pemaju adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap pengurusan, kebajikan dan pembersihan anjing yang diberi makan bagi tujuan menjaga tapak pembinaan. Setelah kerja pembinaan siap, pemaju adalah di larang sama</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>sekali meninggalkan anjing tersebut sebagai anjing terbiar. Penyelesaian isu anjing ini adalah wajib dan hendaklah dijadikan sebagai salah satu syarat tambahan dalam Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (Certificate of Completion and Compliance(CCC)). Kegagalan mematuhi syarat ini boleh menyebabkan sijil CCC tidak dikeluarkan sehingga arahan "No Dog Left Behind" dipatuhi sepenuhnya.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Bangunan dan</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>
3.	Para 8.1 & m/s 22	Datuk Bandar	Kertas Cadangan Pelanjutan Tempoh Publisiti dan Penyertaan Awam ,	<p>Datuk Bandar mencadangkan tempoh publisiti dan penyertaan awam dilanjutkan lagi.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1)	Mesyuarat bersetuju Program Publisiti dan Penyertaan Awam, Rancangan Tempatan Subang Jaya 2035 (Pengubahan 1) selaras dengan Seksyen 13 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dilanjutkan sehingga 28 Februari 2026.  <b>Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar</b>

**7.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MAJLIS ANGKAT SUMPAAH DAN PENANDATANGANAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS DAN PENUBUHAN JAWATANKUASA, PENENTUAN BIDANG TUGAS SERTA PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI Pengerusi MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2026-2027**

Minit Mesyuarat Majlis Angkat Sumpah dan Penandatanganan Watikah Pelantikan Ahli Majlis dan Penubuhan Jawatankuasa, Penentuan

Bidang Tugas serta Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi penggal 2026-2027 bertarikh 9 Januari 2026 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

**8.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT MAJLIS ANGKAT SUMPAAH DAN PENANDATANGANAN WATIKAH PELANTIKAN AHLI MAJLIS DAN PENUBUHAN JAWATANKUASA, PENENTUAN BIDANG TUGAS SERTA PENYUSUNAN AHLI MAJLIS SEBAGAI PENERUSI MAJLIS PERWAKILAN PENDUDUK (MPP) MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BAGI PENGGAL 2026-2027**

Maklum balas Mesyuarat Majlis Angkat Sumpah dan Penandatanganan Watikah Pelantikan Ahli Majlis dan Penubuhan Jawatankuasa, Penentuan Bidang Tugas serta Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi penggal 2026-2027 bertarikh 9 Januari 2026 (Jumaat) disahkan tanpa pindaan.

**9.0 PENGESAHAN KEPUTUSAN DAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA**

**9.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 12 Januari 2026**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dan terdapat beberapa cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.3 & m/s 104	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Kegunaan Bangunan daripada Perindustrian (Industri Sesebuah) kepada Pusat Makanan (Restoren) : Tang Ping Sdn.Bhd	<p>Beliau memaklumkan bahawa isu Kebenaran Merancang bagi perubahan penggunaan bangunan industri kepada restoran semakin berleluasa dan telah menimbulkan masalah parkir berganda apabila dikunjungi ramai pelanggan.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat mengambil maklum bahawa isu Kebenaran Merancang bagi perubahan penggunaan bangunan industri kepada restoran semakin berleluasa dan telah menimbulkan masalah parkir berganda (double parking) apabila</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>bilangan pengunjung meningkat, sekali gus mengganggu kelancaran lalu lintas serta operasi premis industri lain di kawasan tersebut. Sehubungan itu, pemilik premis restoran diwajibkan menyediakan kemudahan parkir yang mencukupi serta laluan pejalan kaki (walkway) yang selamat kepada pengunjung. Bagi permohonan Kebenaran Merancang seumpama ini pada masa hadapan, Ahli Majlis bagi kawasan terlibat hendaklah dijemput untuk turun ke tapak sebelum sebarang kelulusan diberikan.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan: Jabatan Perancangan Bandar</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 5.6 & m/s 106	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Kegunaan Bangunan daripada Perniagaan (Rumah Kedai) kepada Asrama Pelajar (31 bilik) - 1 <sup>st</sup> Living Property (M) Sdn.Bhd.	Beliau memohon penjelasan berhubung pengurusan sisa domestik dan sisa pukal yang dihasilkan oleh asrama, serta kapasiti tong sampah yang ditetapkan untuk kegunaan penyewa asrama.  <b>Maklum balas mesyuarat :</b>  Mesyuarat bersetuju lawatan tapak bersama Ahli Majlis kawasan dilaksanakan bagi mengenal pasti penyelesaian masalah sampah ini.  <b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</b>
3.	Para 5.7 & m/s 107	Encik Chia Yew Ken	Permohonan Kebenaran Merancang Perubahan Material Kegunaan	Beliau memohon penjelasan mengenai sama ada permohonan Kebenaran Merancang bagi perubahan penggunaan bangunan daripada perumahan (rumah

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>Bangunan daripada Perumahan (Rumah Sesebuah) kepada Pusat Jagaan Warga Emas - My Joyful Home Care Centre</p>	<p>sesebuah) kepada Pusat Jagaan Warga Emas memerlukan kelulusan atau makluman daripada jiran berdekatan, termasuk jarak radius yang terlibat, dan apakah terdapat dasar atau garis panduan khusus yang menetapkan perkara ini. Beliau mencadangkan supaya MBSJ menyediakan satu dasar bagi Kebenaran Merancang Pusat Jagaan Warga Emas sebagai rujukan semua pihak.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa permohonan Kebenaran Merancang bagi perubahan penggunaan bangunan daripada perumahan kepada Pusat Jagaan Warga Emas perlu</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>dikemukakan kepada MBSJ beserta Borang Kelulusan Berjiran. Jabatan Perancangan Bandar diminta meneliti cadangan penyediaan dasar tersebut.</p> <p><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Perancangan Bandar</b></p>
4.	Para 6.5.1 & m/s 137	Encik Chia Yew Ken	Laporan Kajian Penilaian Impak Lalu lintas bagi Permohonan Serentak Kebenaran Merancang bagi tujuan Merobohkan Sebuah Bangunan Institusi Pendidikan Swasta dan Cadangan bagi	Beliau memohon supaya Kajian Impak Trafik (Traffic Impact Assessment, TIA) bagi projek Highpark Development Sdn. Bhd. di SS 15 dibentangkan kepada Yang Berhormat Puan Michelle Ng Mei Sze, ADN Subang Jaya, serta Ahli Jawatankuasa Majlis Perwakilan Penduduk Zon 1. Beliau turut mencadangkan satu jawatankuasa khas ditubuhkan bagi memantau dan menilai kemajuan di

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			Mendirikan Bangunan Perniagaan Bercampur di atas Lot 17540, Jalan SS 15/8 - Highpark Development Sdn. Bhd.	kawasan tersebut, sekaligus memperbaiki aliran trafik sedia ada demi kesejahteraan penduduk SS 15.  <b>Maklum balas mesyuarat :</b>  Mesyuarat meminta Jabatan Perancangan Bandar meneliti cadangan ini.  <b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Kejuruteraan</b>

**9.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 12 Januari 2026**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dan terdapat beberapa cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.4	Encik	Laporan Jabatan	Beliau menimbulkan persoalan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
	& m/s 5	Muhammad Fauzan bin Rosli	Kesihatan bagi bulan Disember 2025	<p>mengenai isu tikus dan mencadangkan agar Jabatan menyediakan jadual penangkapan serta sasaran program pembasmian tikus secara berkala, terutamanya di kawasan komersial, tanpa menunggu aduan, bagi memastikan kawalan populasi tikus serta mengekalkan kebersihan dan keselamatan persekitaran.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan Jabatan Kesihatan diminta untuk melaksanakan program pembasmian tikus secara berkala di kawasan komersial.</p> <p style="text-align: right;"><b>Tindakan:</b> <b>Jabatan Kesihatan</b></p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 6.4 & m/s 5	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	Laporan Jabatan Kesihatan bagi bulan Disember 2025	<p>Beliau memohon penjelasan berkenaan kawalan Aedes, khususnya sama ada di bawah bidang kuasa Majlis atau Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), serta prosedur yang perlu diikuti bagi pelaksanaan program kawalan tersebut.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa kawalan Aedes dilaksanakan secara bersama antara Majlis dan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mengikut garis panduan PKD, termasuk aktiviti larvaciding, fogging dan serbuan kawalan nyamuk, serta prosedur pelaksanaan ditentukan oleh pihak PKD.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

**9.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 13 Januari 2026**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**9.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 11/2025 bertarikh 14 Januari 2026**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**9.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 15 Januari 2026**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**9.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 15 Januari 2026**

-----

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dan terdapat cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.0 & m/s 7	Encik M. Anbarasan A/L Murugesu	Perancangan Kerja bagi Peruntukan Pembangunan dan Penyelenggaraan Infrastruktur tahun 2026 Jabatan Kejuruteraan	<p>Beliau memohon penjelasan berhubung masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Putra Permai serta cadangan penyelesaian yang akan dilaksanakan bagi menangani isu tersebut.</p> <p><b>Maklum balas mesyuarat :</b></p> <p>Mesyuarat memaklumkan cadangan penyelesaian masalah kesesakan lalu lintas di kawasan Putra Permai akan dibentangkan oleh Jabatan Kejuruteraan sebaik sahaja perancangan siap.</p> <p style="text-align: right;"><b>Makluman</b></p>

**9.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 16 Januari 2026**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**9.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2026 bertarikh 19 Januari 2026**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**10.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT**

**10.1 Kertas Makluman Dasar Bagi Memuktamadkan Perjanjian Pengurusan Project Management Company (PMC) untuk Perkhidmatan Pembersihan Awam dan Kutipan Sisa Pepejal Antara KDEB Waste Management dengan Majlis Bandaraya Subang Jaya  
(Kertas Mesyuarat bil. 1/1/2026)**

Kertas mesyuarat ini telah disediakan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar dan dibentangkan oleh Puan Hajah Anita binti Abd Jalil , Pengarah Undang-Undang.

**Keputusan Mesyuarat :**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima Kertas Makluman Dasar Bagi Memuktamadkan Perjanjian Pengurusan Project Management Company (PMC) untuk Perkhidmatan Pembersihan Awam dan Kutipan Sisa Pepejal Antara KDEB Waste Management dengan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

**Makluman**

## 11.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Muhammad Fauzan bin Rosli, WHIP daripada Parti AMANAH.

## 12.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 30 Januari 2026

**“KITASELANGOR MAJU BERSAMA”**

**“MALAYSIA MADANI”**

**“MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI”**

Disediakan oleh;



**(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), S.M.S, A.M.N**

Timbalan Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

Disahkan oleh;



**(DATO' AMIRULAZIZAN BIN DATO' SRI ABD RAHIM), D.I.M.P**

Datuk Bandar

**MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA**

## LAMPIRAN

### HADIR

1. YBhg. Dato' Amirul Azizan bin Dato' Sri Abd Rahim, D.I.M.P. - Pengerusi  
Datuk Bandar
2. YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, S.M.S., A.M.N. - Setiausaha  
Timbalan Datuk Bandar. Mesyuarat
3. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.  
Timbalan Setiausaha

### HADIR (AHLI MAJLIS)

4. Puan Lee Jen Uyin - Ahli  
Mesyuarat
4. Encik Pravin a/I Murali - "
5. Encik Muhammad Fauzan bin Rosli - "
6. Encik Chia Yew Ken - "
7. Encik Thamilarusu a/I Sandayan - "
8. Puan Ng Seow Chen - "
9. Encik M.Anbarasan a/I Murugesu - "
10. Encik Kamarul Hafiz bin Kamarudin - "
11. Encik Tah Yap Keong - "

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Encik Khairol Basri bin M. Arif        | - | " |
| 13. | Puan Suzanah Hanim Wong                | - | " |
| 14. | Encik Tey Boon Kiat                    | - | " |
| 15. | Encik Saidin bin Awang                 | - | " |
| 16. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid      | - | " |
| 17. | Encik Chong Hoon Ming                  | - | " |
| 18. | Puan Nursyaheera binti Abdul Ghafar    | - | " |
| 19. | Encik Chirstopher Elvin Joseph         | - | " |
| 20. | Encik Pang Hon Yuen                    | - | " |
| 21. | Encik Ahmad Umar Khair bin Zainuddin   | - | " |
| 22. | Encik Zaihasri bin Jaafar              | - | " |
| 23. | Encik Gunasunthari a/p Kaniappan       | - | " |
| 24. | Encik Saidin bin Awang                 | - | " |
| 25. | Encik Muhammad Afif bin Abdullah       | - | " |
| 26. | Encik Zulfadzlee Shah bin Shahaaruddin | - | " |

**(PEGAWAI MBSJ)**

27. Tuan Hj. Affandi bin Hj. Jaafar  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan

28. Tuan Ir. Dr Hj. Mohd Ariffuddin bin Hj. Kamari  
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
29. Tuan TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin  
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
30. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
31. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
32. Puan Sr. Aida binti Omar, A. M. S., MRISM  
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
33. Puan Nik Zalina binti Megat Muda, CelO  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
34. Puan Dr. Nurnawwar binti Arpaaii  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
35. Cik Haslinda binti Mohd Rantam, A.I.S  
Pengarah, Jabatan Bangunan
36. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
37. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
38. Puan Ts. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
39. Encik Samzol bin Saat  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
40. Tuan Sr. Nazarudin bin Mashtuki  
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

41. Puan Sarina binti Saad  
Pengarah, Jabatan OSC
42. Puan Norsilawati binti Mohamed Yatim  
Pengarah, Jabatan Hasil
43. Puan Sr. Nornizam binti Mohd Jusoh  
Pengarah, Jabatan COB
44. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Kesihatan
45. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap
46. Encik Mohd Fadil bin Alos  
Penolong Pengarah Kanan, Unit Audit Dalam
47. Encik Mohd Reyzal bin Mazlan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
48. Puan Emilia binti Nasir  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
49. Puan Mazlina binti Mustafa  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
50. Cik Norzahirawaty binti Sihat  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
51. Encik Mohd Herman bin Musanip  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Unit Integriti

### **URUS SETIA**

52. Puan Mazura binti Mohamad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan

53. Puan Juliana binti Jaafar  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
54. Encik Muhammad Zulfikar bin Jalaltheen  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

1. Encik Mehanatan a/l Embamurthi - Ahli Majlis
2. Encik Muhammad Azli bin Miswan, A.M.S.  
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
3. Puan Ts. Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

